

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PAIP AIR KOLAM AIR JUGRA BARU KE SIJANGKANG**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemasangan paip air daripada Kolam Air Jugra Baru ke Banting dan Sijangkang yang sangat penting untuk mengoptimakan kapasiti pengeluaran air terawat dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja pemasangan paip air masih dalam peringkat pembinaan di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan akan siap sepenuhnya pada akhir 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**  
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMERKASAAN INSTITUSI KEHAKIMAN SYARIAH DI NEGERI SELANGOR**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri untuk memperkasa bidang kuasa Mahkamah Syariah di Negeri Selangor daripada tiga (3) peringkat kepada empat (4) atau lima (5) peringkat?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memperkasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah Selangor. Sebagai contoh pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang melibatkan kenaikan had bidang kuasa mendengar tuntutan kes-kes Mal bagi Mahkamah Rendah Syariah daripada nilai tuntutan tidak melebihi RM100,000.00 kepada tidak melebihi RM300,000.00 dan bagi Mahkamah Tinggi Syariah pula, had bidang kuasa mendengar tuntutan kes-kes Mal dinaikkan daripada nilai tuntutan melebihi RM100,000.00 kepada melebihi RM300,000.00.

Berhubung dengan itu Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah cadangan untuk menaikkan tingkat (*tier*) Mahkamah Syariah daripada tiga “*tier*” kepada empat atau lima “*tier*”. Usaha ini sedang giat dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai sebuah agensi Persekutuan yang bertanggungjawab untuk menyelaras Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia.

Sejak tahun 2019, Jawatankuasa ini telah menganjurkan beberapa siri mesyuarat dan bengkel, yang antara lain, membincangkan struktur dan tier baharu Mahkamah Syariah dan perubahan bidang kuasa setiap tier mahkamah. Memandangkan cadangan ini melibatkan suatu perubahan yang besar kepada institusi kehakiman Syariah, ia memerlukan suatu kajian yang terperinci dan akan melibatkan perundingan dengan berbagai-bagai pihak sama ada di peringkat persekutuan maupun di peringkat negeri. Oleh yang demikian, pada tahun ini, pihak JKSM telah merancang untuk menganjurkan beberapa siri bengkel lanjutan bagi menyelesaikan penyediaan kertas cadangan pemerkasaan bidang kuasa mahkamah Syariah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PAIP AIR UZUR**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menggantikan paip air abestos cement (AC) yang uzur di Negeri Selangor?
- Sila nyatakan bilangan paip pecah di negeri Selangor untuk tahun 2019 dan 2020.

**JAWAPAN:**

- Semenjak 2016 hingga 2020, Air Selangor telah dan sedang melaksanakan program penggantian paip jenis *Abestos Cement* (AC) melibatkan 307 lokasi *hotspots* sepanjang 711 km. Sehingga 31 Mei 2020, 294 km paip yang telah siap ditukar. Berdasarkan statistik Air Selangor setakat 31 Mei 2020, 6,196 km paip jenis AC di dalam sistem agihan yang telah usang dan perlu diganti. Untuk perancangan masa hadapan, Air Selangor telah memperuntukkan program penggantian paip usang sepanjang 150 km setiap tahun di dalam pelan perniagaan bagi tempoh 30 tahun akan datang.
- Bilangan paip pecah di Selangor untuk tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>2019</b>	<b>Jan-Mei 2020</b>
Bilangan paip pecah	2,374	851
Indeks Paip Pecah (pecah/km/tahun)	8.94	7.64

Purata kes paip pecah dari Januari hingga Mei 2020 adalah sebanyak 170 kes sebulan. Manakala, purata paip pecah pada Januari hingga Mei 2019 adalah 221 kes sebulan. Jika dibandingkan purata tempoh yang sama pada tahun 2019 dan 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 51 kes sebulan, bersamaan dengan 23%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL**  
**(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini program pusat tuisyen rakyat Selangor bagi tahun 2020?
- b) Bagaimanakah hasil dan impak kepada pelajar yang menyertai tuisyen rakyat Selangor?
- c) Berapakah kadar peningkatan kemajuan murid yang mengikuti tuisyen rakyat ini melalui keputusan peperiksaan mengikut DUN dalam Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini Program Tuisyen Rakyat Negeri Selangor bagi tahun 2020 adalah diteruskan pelaksanaannya tetapi perlu mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara. Tumpuan kini diberikan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang telah ditangguhkan pada bulan Januari 2021.
- b) Berdasarkan analisis pencapaian keputusan SPM 2019 secara umumnya terdapat peningkatan pada peratusan lulus bagi semua mata pelajaran PTRS yang ditawarkan. Manakala jumlah pelajar yang gagal bagi setiap mata pelajaran yang terlibat mengalami penurunan.
- c) Kadar kemajuan murid yang menyertai PTRS jika dibandingkan sebelum dan selepas peperiksaan SPM adalah seperti berikut :  
Bagi Mata pelajaran Bahasa Melayu peratusan pelajar yang lulus meningkat kepada 19% jika dibandingkan sebelum dan selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Manakala peratusan pelajar yang gagal dan tidak hadir dapat dikurangkan sebanyak 19%. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris jumlah pelajar yang gagal dan tidak hadir dapat dikurangkan sebanyak 21%. Manakala bagi jumlah pelajar yang lulus mengalami peningkatan sebanyak 21.6% jika dibandingkan sebelum SPM dengan peperiksaan sebenar.

Bagi mata pelajaran Matematik jumlah pelajar yang lulus telah dapat ditingkatkan kepada 45% manakala jumlah pelajar yang gagal dapat dikurangkan sebanyak

45%. Seterusnya bagi mata pelajaran Sains dan Sejarah, pertusan pelajar yang lulus juga meningkat iaitu masing-masing sebanyak 27% dan 26% manakala jumlah pelajar yang gagal dapat dikurangkan masing-masing sebanyak 27% dan 26%. Jumlah pelajar yang layak mendapat sijil iaitu lulus bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah turut mengalami peningkatan iaitu sebanyak 45% untuk kedua-dua mata pelajaran ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : BANDAR MESRA WANITA**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan bandar mesra wanita seperti termaktub dalam Dasar Wanita Selangor?
- b) Selain MPSJ, PBT mana yang turut melaksanakannya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : RANCANGAN MENANGANI KEGAWATAN EKONOMI**

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kegawatan Ekonomi yang bakal melanda Negara ini di hujung tahun 2020?
  
- b) Berapa jumlah jangkaan penganggur yang merupakan penduduk Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang (no.56) , Yang Berhormat Sungai Burong (no.225), Yang Berhormat Rawang (no. 273), Yang Berhormat Bukit Lanjan (no. 246) dan Yang Berhormat Sungai Panjang (no. 219) berhubung langkah-langkah dan rancangan Kerajaan Negeri untuk pemulihian ekonomi Negeri Selangor.

Penularan COVID-19 ini ternyata telah menjadi krisis kesihatan global yang melanda seluruh dunia. Bagi menangani penularan wabak ini daripada berterusan, kerajaan dan kakitangan barisan hadapan berganding bahu dalam membentuk strategi yang efektif dan berkesan. Sementara itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengehadkan perjalanan orang ramai dengan mengenakan penutupan penuh dan perbatasan antarabangsa merupakan salah satu langkah terbaik bagi membendung jangkitan ini. Alhamdulillah pelaksanaannya telah terbukti berkesan dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sesungguhnya kita sebenarnya tidak punya pilihan, kita wajib memastikan usaha membendung atau ikhtiar melandaikan keluk penularan COVID-19 berjaya.

Namun begitu, PKP yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak ini telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi di dalam negara Malaysia dan negeri Selangor. Aktiviti pengeluaran terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barang perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu,

kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. PKP juga mengakibatkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain, aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagi kekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini.

Menyedari kepayahan yang dialami oleh pelbagai pihak dan bagi mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin. Pakej Selangor Prihatin Fasa Pertama telah dibentangkan pada 20 Mac 2020 manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua dibentangkan pada 1 April 2020 bertujuan untuk memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosio-ekonomi penularan wabak tersebut.

Sejumlah RM127.8 juta diperuntukkan bagi Selangor Prihatin Fasa Pertama membabitkan tujuh inisiatif manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua pula melibatkan peruntukan sebanyak RM272.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta. Walau bagaimanapun, perhatian utama pihak Kerajaan Negeri dari segi pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah untuk memastikan ekonomi berfungsi menghadapi kejutan permintaan dan penawaran. Realitinya, pakej rangsangan yang diwujudkan oleh kerajaan pusat serta disokong oleh pakej Selangor Prihatin ini hanya memadai untuk menangani kesan jangka pendek sesuai dengan objektif pakej rangsangan iaitu untuk mencipta permintaan sambil memastikan penawaran yang mencukupi.

Oleh itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

Teras Pertama : Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan;

- |               |   |  |
|---------------|---|--|
| Teras Kedua   | : | Peningkatan produktiviti;                            |
| Teras Ketiga  | : | Menyediakan peluang pekerjaan; dan                   |
| Teras Keempat | : | Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS |

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemuliharaan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘game changer’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjanaan ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rantaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rantaian bekalan bersepada adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan kerajaan negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Ringkasnya, keempat-empat pelan tindakan ini melibatkan pentransformasian masalah kepada peluang. Penyelesaian masalah yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 berpaksikan jangka pendek dan berupa penyelesaian sementara yang tidak mampan serta menunjukkan terdapat kelemahan struktur ekonomi yang perlu diperbaiki untuk kemampuan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan itu, Kerajaan Negeri optimis pelan tindakan yang telah digariskan ini akan dapat membantu pemulihan ekonomi di negeri Selangor seterusnya memacu pertumbuhan yang lebih mampan di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JUMLAH BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) BAGI OKU DI BAWAH  
SELANGOR**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi OKU di bawah Kerajaan Selangor mengikut pecahan DUN
- b) Sila senaraikan nama-nama NGO tersebut yang ada di bawah DUN Bandar Utama berserta maklumat perhubungan, sekiranya ada

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan sumber maklumat yang diperoleh daripada pihak Pendaftar Pertubuhan Negeri Selangor sebanyak 217 Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi Orang Kurang Upaya(OKU) di bawah Negeri Selangor direkodkan. Senarai Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi OKU di Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Berdasarkan sumber maklumat yang diperoleh daripada pihak Pendaftar Pertubuhan Negeri Selangor sebanyak 4 Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah DUN Bandar Utama yang direkodkan. Senarai Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi OKU di bawah DUN Bandar Utama adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PERTUBUHAN	ALAMAT	NO. TEL
1	Persatuan Penjagaan OKU Kg. Chempaka	No.38-2b, Jalan PJU 1/3b, Sunway Mas Commercial Centre	03-78809051
2	Persatuan Kebajikan Permata Istimewa <i>Gem &amp; Bread</i> Kuala Lumpur Dan Selangor. ( <i>Gem &amp; Bread Special Needs Support Group Kuala Lumpur And Selangor</i> )	No.71, Jalan SS 21/3, Damansara Utama, Petaling Jaya	03-77338896

3	Persatuan Kebajikan Ceriajaya Kuala Lumpur Dan Selangor ( <i>We Care Journey</i> )	2 Jalan SS 22/30 Damansara Jaya,Petaling Jaya	03-77336883
4	Persatuan Kebajikan Anugerah Kehidupan, Petaling Jaya, Selangor ( <i>Gift of Life Society</i> )	13a-2, Jalan PJU 1/39, Block D2, Dataran Prima,Petaling Jaya	012-2020998

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI  
UNTUK COVID-19**

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk menangani wabak COVID-19 di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagaimana kita semua maklum, wabak Covid – 19 ini telah memberikan impak terhadap dunia amnya dan Malaysia khususnya. Oleh itu, negeri Selangor juga turut menerima impak yang sama. Bagi tujuan menangani Covid – 19, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5 juta diperuntukan untuk projek pembangunan berskala kecil di bawah Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam / Projek Infrastruktur Asas (PIA/PIAS). Pelaksanaan projek-projek PIA/PIAS ini adalah bertujuan sebagai *stimulus package* untuk menangani masalah kegawatan ekonomi negeri. Selain itu, sebanyak RM10 juta telah disalurkan ke Tabung Pakej Rangsangan Ekonomi bagi tujuan bantuan menangani wabak Covid – 19 seperti kos pengoperasian stesen-stesen kuarantin, pembelian topeng pelitup muka (*face mask*), *hand sanitizer* dan lain-lain. Sebanyak RM7.795 juta telah dibelanjakan bagi tujuan yang telah dinyatakan dan baki peruntukan akan digunakan untuk menampung pembayaran insentif kepada penjawat awam yang terlibat secara langsung dalam menangani wabak Covid – 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)**

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan akaun yang telah mohon untuk SADE dan bilangan akaun daripada itu yang layak?
- b) Bagi akaun yang tidak lulus, sila nyatakan bilangan yang telah membuat rayuan.
- c) Sila nyatakan dengan terperinci cara bagaimana kelayakan pemegang akaun untuk SADE dinilai?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesan dan jangkaan Kerajaan Negeri dalam bidang pelancongan yang terjejas teruk akibat covid-19?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk menaikkan semula industri pelancongan di Selangor akibat covid-19?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya setiap penggiat Industri pelancongan di Negeri Selangor terkesan akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Keseluruhan pemain-pemain industri pelancongan negeri Selangor menghadapi pembatalan tempahan (bilik penginapan, penganjuran acara, pakej pelancongan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan berkenaan pelancongan) sejak pandemik Covid-19 ini ditemui dan mula tersebar bermula bulan Januari 2020 lalu.

Di samping itu, sebahagian besar industri pelancongan negeri Selangor terpaksa menutup operasi mereka sepanjang penguatkuasaan PKP sejak pertengahan bulan Mac 2020 lalu. Oleh yang demikian, ianya memberi kesan kepada pendapatan penggiat industri pelancongan sepanjang tempoh tersebut.

Melalui kaji Selidik yang dilaksanakan oleh Tourism Selangor secara puratanya ketahanan aliran tunai penggiat-penggiat industri pelancongan di Negeri Selangor adalah antara 1 hingga 6 bulan. Responden juga telah membalias dimana majoriti lebih 50% memaklumkan terpaksa menutup operasi sepenuhnya disebabkan bukan kategori '*essential business*' semasa tempoh PKP. Manakala, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) telah mengunjurkan 'kadar penginapan – occupancy rate' bulanan sehingga Disember tahun 2020 adalah dibawah 40%, yang mana hotel-hotel akan beroperasi tanpa membuat keuntungan.

Hal ini secara kasarnya akan mengakibatkan banyak penggiat industri pelancongan terpaksa memberhentikan operasi mereka dan berhadapan dengan

kemungkinan muflis jika tempoh penutupan operasi akibat penguatkuasaan PKP ini berpanjangan.

- b) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 2,553,000.00** untuk menaikkan semula industri pelancongan di Negeri Selangor akibat impak pandemik Covid-19. Peruntukan bagi penyediaan bantuan khas ini, mengikut pecahan seperti yang berikut:
- i) Bantuan ‘one-off’ sebanyak **RM 1,000.00** seorang, bagi yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu pemandu pelancong di bawah Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Selangor (STGA), Hos Komuniti Setempat dan Pengusaha Homestay Berlesen yang memperuntukkan bantuan sebanyak **RM 553,000.00**
  - ii) Menerbitkan subsidi “Baucar Pelancongan” Negeri Selangor dengan nilai peruntukan bantuan sebanyak **RM 2,000,000.00**

Selain itu, kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor mempergiatkan aktiviti promosi untuk menaikkan semula industri pelancongan di Negeri Selangor melalui usaha-usaha yang berikut:-

- I. Memfokuskan pasaran domestik sebagai pasaran utama pelancongan seperti penganjuran kempen “Pusing Selangor Dulu”
- II. Tumpuan utama kepada sektor pelancongan alam semulajadi (eco), sukan, perubatan, pendidikan, pelayaran mewah dan agro.
- III. Menganjurkan kempen pengiklanan melalui platform digital dan atas talian (*Online*).
- IV. Pembangunan produk pelancongan klusterisasi yang memfokuskan kepada Pelancongan Eko, Pertanian, Sukan, Perubatan, Pendidikan dan Pelayaran Mewah.
- V. Penganjuran Acara Pelancongan berskala antarabangsa pada setiap bulan dan sepanjang tahun.
- VI. Program usahasama bersama penggiat industri pelancongan seperti Hotel, Agensi Pelancongan, Media, Syarikat Penerbangan.
- VII. Mengemaskini direktori pelancongan mengikut *trend* dan perkembangan pelancongan terkini.
- VIII. Mempromosikan pakej pelancongan bersepadu seperti pakej ‘*Experiential Tourism*’ melalui program Latihan Hos Komuniti Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KERJA-KERJA TURAPAN JALAN OLEH SYARIKAT UTILITI**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai data kerosakan jalan akibat daripada kerja-kerja turapan jalan yang tidak sempurna oleh syarikat utiliti?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini?
- c) Berapakah jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri sejak 2016 sehingga kini?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, pihak JKR tidak mempunyai data kerosakan jalan akibat daripada kerja-kerja turapan jalan yang tidak sempurna oleh syarikat utiliti. Walaubagaimanapun, pihak JKR Daerah sentiasa membuat pemantauan berdasarkan pengeluaran permit kerja kepada syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja melibatkan pengorekan jalan serta kualiti pembaikan semula jalan selepas kerja pihak utiliti selesai.  
  
Disamping itu juga, pihak JKR Daerah dan konsesi sentiasa membuat rondaan untuk memastikan kerosakan akibat daripada kerja yang tidak sempurna yang dilakukan oleh pihak utiliti dapat dibaiki dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- b) Untuk menangani isu kerosakan jalan ini, pihak JKR Daerah akan mengeluarkan permit kerja kepada syarikat utiliti, dan mensyaratkan jika kerja-kerja yang tidak sempurna tidak dibaiki dalam tempoh masa yang ditetapkan, pihak JKR akan melantik pihak ketiga dan akan menggunakan Wang Tabung Amanah yang dibiayai oleh pihak utiliti (TNB, TM, SYABAS) untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedang menyediakan Kertas Cadangan bagi mewujudkan Koridor Utiliti di Negeri Selangor.
- c) Bagi pembaikan kekal, kos pembaikan adalah menggunakan Akaun Amanah Wang Cagaran Berkelompok syarikat utiliti tersebut tanpa melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGURUSAN FLAT KOS RENDAH**

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu GLC atau agensi untuk mengambil alih kerja-kerja pengurusan daripada JMB demi menyelesaikan masalah kekurangan penyelenggaraan di flat-flat kos rendah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri pada masa ini belum berhasrat menubuhkan satu agensi berkaitan kerajaan (GLC) atau agensi untuk mengambil alih kerja-kerja pengurusan daripada badan pengurusan bersama (JMB) yang gagal mengutip fi penyenggaraan sehingga tiada tabungan untuk menyenggara dan mengurus pangaspuri. Ini disebabkan pengambilan peranan ini melibatkan tanggungan kos yang tinggi setelah mengambilkira hutang-hutang JMB dan bilangan skim pangaspuri kos rendah yang ada di negeri Selangor.

Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangaspuri mereka. Kerajaan Negeri telah melaksanakan tindakan berhubung penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi setiap pangaspuri kos rendah yang tidak mampu menguruskan bangunan akibat defisit kutipan caj pengurusan. Dalam hal ini, pihak JMB perlu memperkasakan peranan mereka melalui Akta Pengurusan Strata 2013 (757) untuk mengutip tunggakan caj penyenggaraan di kalangan pemilik-pemilik tegar. JMB yang ditubuhkan mempunyai kuasa untuk mengutip caj penyenggaraan daripada pemilik untuk tujuan pengurusan dan penyenggaraan di bawah Seksyen 21 (subseksyen 2), dan dan seksyen 33, Akta Pengurusan Strata 2013 (757).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR PEROSAK INDUSTRI AGRIKULTUR**

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari kaedah penangkapan dan pemindahan haiwan liar, apakah mekanisme alternatif yang boleh dilakukan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan industri agrikultur tidak terjejas dengan masalah haiwan liar seperti babi hutan dan monyet?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENCAHAYAAN BUKIT AMPANG**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan akan menambah lampu-lampu jalan bagi kawasan Bukit Ampang berhampiran pekan Hulu Langat yang masih gelap?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan sebanyak RM250,000.00 telah diterima di bawah Pembangunan Negeri P12 untuk pemasangan baru lampu-lampu jalan di kawasan Bukit Ampang. Status semasa adalah di peringkat penyediaan Dokumen Sebutharga dan dijangka iklan pada 23 Julai 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KUTIPAN HASIL**

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana hasil negeri Selangor terjejas akibat wabak Covid-19?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi kehilangan hasil negeri tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Bandar Utama [Soalan 152(a)], YB Sungai Burong [Soalan 255(a)], YB Bukit Gasing [Soalan 262(a)] dan YB Semenyih [Soalan 290(a)] yang bertanyakan soalan berkaitan kesan wabak Covid-19 terhadap kutipan hasil Kerajaan Negeri.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri serta usaha mendapatkan hasil yang berterusan berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Status pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM1,527.61 juta atau 69.44 peratus daripada anggaran hasil RM2.2 bilion. Daripada hasil keseluruhan ini, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM416.67 juta atau 60.08 peratus. Kutipan Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM897.35 juta atau 70.71 peratus. Manakala, Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM213.58 juta atau 90.01 peratus.

- b) Saya ingin menjawab soalan YB Sungai Burong [Soalan 255(b)] bersekali dengan soalan YB Semenyih [Soalan 295(b)] yang bertanyakan soalan yang sama berkaitan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan hasil dapat dikutip dan seterusnya ditingkatkan adalah:

1. Bagi Hasil Cukai Tanah:

- (i) Kerajaan Negeri melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 1 yang diumumkan pada 20 Mac 2020 telah melanjutkan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak dari 31 Mei kepada 30 Jun 2020 dan dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 2 telah melanjutkan sekali lagi tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak dari 30 Jun kepada 31 Julai 2020;
  - (ii) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor serta kesemua Pejabat Daerah/Tanah berusaha untuk mengatasi kehilangan hasil cukai tanah dan akan melaksanakan lebih banyak program kutipan turun padang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan perumahan dan tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar pagi, pasar malam dan juga kompleks membeli belah bagi memudahkan orang ramai untuk membayar cukai tanah tanpa perlu hadir ke mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah;
  - (iii) Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran mengenai pembayaran cukai tanah juga dilaksanakan melalui hebahan *flyers* dan surat khabar; dan
  - (iv) Pejabat Daerah dan Tanah di luar bandar seperti Kuala Langat melaksanakan kempen promosi pembayaran cukai dalam usaha menggalakkan pembayar cukai untuk membayar sambil berpeluang mendapatkan hadiah melalui cabutan bertuah.
2. Bagi Hasil Premium Tanah, Kerajaan Negeri memberi kemudahan kepada pemaju atau individu bagi membayar premium tanah secara berperingkat tanpa menjaskan hasrat pemajuan tanah. Inisiatif kemudahan pembayaran premium yang diberikan adalah:
- (i) melanjutkan tempoh pembayaran premium Notis Borang 5A dan premium tambahan Notis Borang 7G sehingga 30 September 2020 bagi notis-notis yang akan tamat dan telah tamat tempoh bayaran dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2020; dan

- (ii) Pembayaran premium tanah secara ansuran selama 6 bulan sehingga 31 Mac 2021 kepada Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G yang belum tamat tempoh dalam Fasa 6 PKPP (10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020).
3. Bagi memastikan Hasil Cukai Hutan dapat dikutip:
- (i) Kerajaan Negeri mengenakan caj fi bagi pengeluaran kayu getah dan palma (kelapa/kelapa sawit) di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) dan selaras dengan keputusan Majlis Perhutanan Negara Ke-71; dan
  - (ii) cadangan pemulihan dan penguatkuasaan melalui pengenaan permit penggunaan di kawasan pencerobohan dan penerokaan secara haram di dalam sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Selatan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROJEK INFRASTRUKTUR**

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah impak PKP terhadap perlaksanaan projek infrastruktur dalam Negeri Selangor?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri akan memastikan projek ini disiapkan dalam sempurna dengan mengikuti jadual?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan pergerakan (PKP), pelaksanaan projek infrastruktur di Negeri Selangor terkesan dari segi prestasi kemajuan berikutan dengan aktiviti-aktiviti sektor pembinaan dan pengilangan yang diberhentikan sepanjang PKP. Walaupun kebenaran beroperasi dapat dimohon daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), terdapat juga sebilangan kontraktor yang tidak dapat meneruskan kerja berikutan dengan ketiadaan bahan binaan daripada pengusaha kilang. Oleh sedemikian, kesemua projek-projek infrastruktur di Negeri Selangor layak diberikan *Extension of Time (EOT)*.

Walau bagaimanapun, sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diperkenalkan, jabatan/agensi yang terlibat telah memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan kesemua projek infrastruktur ini dapat dilaksanakan mengikut jadual setelah mengambil kira EOT yang akan diberikan.

Usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan projek-projek infrastruktur dapat dilihat dari segi pemantauan yang diselaraskan di antara Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan juga jabatan/agensi yang terlibat.

UPEN dengan kerjasama jabatan/agensi pelaksana akan sentiasa memantau pelaksanaan projek bagi memastikan projek-projek pembangunan berjalan

mengikut jadual. Usaha tersebut melibatkan pemantauan laporan prestasi bulanan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi pelaksana dan pemantauan Mesyuarat Teknikal Perancangan dan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negeri (JKTPN) yang dilaksanakan setiap suku tahun. Manakala bagi projek-projek yang lewat jadual, pelaksanaan projek akan dipantau dan dibincangkan secara terperinci melalui mesyuarat khas bagi membincangkan dan mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi dalam melaksanakan projek. Lawatan tapak juga akan dilaksanakan oleh UPEN dan jabatan/agensi pelaksana dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU PERGADUHAN KAUM MELIBATKAN KAUM ROHINGYA DAN RAKYAT TEMPATAN DI TASEK PERMAI**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu-isu sosial akibat kepadatan warga asing di sesuatu kawasan seperti pergaduhan kaum melibatkan kaum rohingya dan rakyat tempatan yang berlaku di Tasek Permai?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, Taman Tasek Permai merupakan sebuah kawasan penempatan di kawasan Ampang dan kawasan tersebut terdapat lebih kurang 100 keluarga Etnik Rohingya menetap di kawasan berkenaan. Sumber pendapatan utama keluarga / kaum Rohingya di kawasan tersebut adalah seperti pekerja kontrak, pekerja kedai makan, mencari dan menjual barang lusuh dan juga pekerja buruh kasar.

Hasil semakan ke atas beberapa siri tangkapan yang telah dibuat oleh pihak PDRM melibatkan Etnik Rohingya di kawasan berkenaan mendapati kebanyakan di antara mereka mempunyai kad UNHCR. Berdasarkan statistic PDRM, di antara kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kaum Rohingya di kawasan tersebut adalah seperti berikut :-

Bil.	Jenis Kesalahan	Tahun 2019	Tahun 2020 (Jan-Jun)
1.	Pecah rumah	(1) kes (18) tangkapan	(1) kes (5) tangkapan
2.	Curi kenderaan	(3) kes (3) tangkapan	(4) kes (5) tangkapan
3.	Lain-lain curi	(2) kes (2) tangkapan	(3) kes (1) tangkapan
4.	Lain-lain kesalahan jenayah	(14) kes (54) tangkapan	(27) kes (65) tangkapan

Sepanjang pemantauan pihak PDRM, kes menarik melibatkan Etnik Rohingya adalah kes percaduhan (ugutan) melibatkan kaum Rohingya dengan warganegara tempatan (Melayu) di kawasan Taman Tasek Permai. Kejadian berlaku pada 7 Mei 2020 melibatkan sebuah NGO (Kaum Rohingya – Myanmar Muslim Refugee Community) telah selisih faham mengenai pembahagian bantuan makanan semasa tempoh “Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)” dengan penduduk tempatan kaum Rohingya (warganegara).

Punca kejadian adalah disebabkan penduduk tempatan kaum Rohingya (warganegara) tidak berpuas hati dengan NGO berkenaan mengenai pembahagian bantuan makanan yang mana NGO tersebut mengenakan bayaran sebanyak RM10 - RM25 kepada kaum Rohingya yang bukan beragama Islam manakala bagi beragama Islam tiada bayaran dikenakan. Ekoran daripada kejadian tersebut, pihak polis telah berjaya menahan seramai (1)(L) Melayu kaum Rohingya warganegara Malaysia dan (3)(L) Rohingya pemegang kad UNHCR yang terlibat serta telah dituduh di Mahkamah.

Sehingga kini tiada percaduhan serius melibatkan kaum Rohingya dengan penduduk tempatan di kawasan berkenaan ataupun sekitarnya dilaporkan kepada pihak PDRM. Walaubagaimanapun pemantauan berterusan oleh pihak PDRM akan dibuat secara berkala dan berterusan di kawasan berkenaan dan sekitarnya bagi mengelakkan sebarang kes-kes jenayah berlaku.

Antara perancangan kerajaan dalam menangani isu-isu social akibat kepadatan warga asing disesuatu kawasan adalah seperti berikut :-

- i) Meningkatkan operasi Ops Cantas dengan melakukan pemeriksaan ke atas individu yang dikenalpasti menjadi dominan dalam komuniti.
- ii) Meningkatkan pengumpulan maklumat risikan ke atas aktiviti kaum pelarian Rohingya di kawasan yang dikenalpasti.
- iii) Memastikan setiap kertas siasatan yang dibuka berjaya dituduh di mahkamah selain di bawah tindakan Akta Imigresen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KUALITI KEHIDUPAN KELOMPOK M40**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah dasar dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan kelompok M40?
- Sejauh manakah tahap keberkesanan dasar sedia ada dalam menjamin kualiti kehidupan kelompok M40 di Selangor?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat Kota Anggerik, keperihatinan Kerajaan Negeri kepada kebaikan rakyat Negeri Selangor terserlah sejak sekian lama melalui kewujudan program-program peduli rakyat yang turut memberi fokus untuk meningkatkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka. Di antara program yang telah dilaksanakan pada masa kini untuk membantu rakyat Negeri Selangor ialah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Program IPR merupakan program holistik dalam jangka panjang yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan semata-mata, tetapi turut memberdaya dan memperkasakan penerima manfaat yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah M40. Di antara program-program IPR yang disasarkan kepada golongan adalah seperti berikut:
  - Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar);
  - Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT);
  - Skim Pinjaman Mikro Kredit HIJRAH Selangor;
  - Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS); dan
  - Skim Rumah Selangorku (RSKU).

Selain daripada program IPR, terdapat banyak lagi program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian, kesihatan dan juga pendidikan** yang boleh dinikmati oleh golongan M40. Program-program penjanaan pendapatan rakyat ini ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Di antara program ini adalah Selangor *Digital e-Supply Chain* (SELDEC), Selangor Advance dan Pasar Agro Selangor.

Kerajaan negeri sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap program sedia ada dan merangka program-program baharu yang bersesuaian dan menepati keperluan semua lapisan masyarakat di Selangor, sesuai dengan gagasan Selangor Maju Bersama.

- b) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, inisiatif dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Selangor bukanlah dalam bentuk sumbangan tunai sekaligus semata-mata. Pendekatan Kerajaan Negeri yang disifatkan sebagai memberikan ‘joran’ kepada rakyat adalah tepat pada masanya untuk mereka kekal ‘mengail’ demi kelangsungan hidup dan seterusnya meningkatkan taraf pendapatan serta kehidupan mereka. Program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian, kesihatan, pendidikan dan lain-lain lagi**.

Jika mengambil contoh, seorang usahawan mikro boleh meningkatkan pendapatan dan taraf kepada usahawan kecil melalui Program-Program IPR yang disediakan oleh Kerajaan. Usahawan ini boleh memohon Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) untuk mendapatkan bantuan peralatan, atau memohon Skim Hijrah Selangor untuk mendapatkan pinjaman kewangan. Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) pada tahun 2018, 92% responden dapat meningkatkan perniagaan selepas menerima bantuan peralatan DUMS manakala melalui Skim Hijrah Selangor pula, 85% responden berjaya meningkatkan pendapatan kasar perniagaan mereka. Kajian ini menunjukkan program-program IPR tersebut dapat menjamin peningkatan pendapatan kepada penerima-penerima IPR. Selain bantuan dan pinjaman, Kerajaan Selangor juga menyediakan program latihan kepada usahawan iaitu Latihan Usahawan IT yang dianjurkan oleh *Selangor Information Technology and e-Commerce Council* (SITEC). Melalui latihan ini, penerima IPR ini mampu melonjakkan perniagaan mereka melalui perniagaan secara e-dagang.

Program dan dasar Kerajaan Negeri sedia ada sesungguhnya menjamin kualiti kehidupan rakyat, termasuklah golongan M40. Ini dapat dilihat melalui statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun pertama 2020, yang menunjukkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Selangor meningkat daripada RM 4,646 pada tahun 2014 kepada RM 5,183 pada tahun 2016 iaitu dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 5.5%. Namun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Selangor. Program dan dasar sedia ada Kerajaan Negeri dalam memperkasa taraf kehidupan golongan M40 adalah wajar dan mencukupi pada masa kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PENJANAAN EKONOMI NEGERI SELANGOR**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kejatuhan ekonomi serta mempertahankan kestabilan ekonomi negeri dan penduduk?
- b) Senaraikan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mendepani cabaran ekonomi semasa
- c) Senaraikan syarikat pelabur tempatan dan asing yang masih bertahan untuk meneruskan operasi

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak yang besar kepada ekonomi negara dan Negeri Selangor secara khususnya. Pelbagai langkah telah diambil sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupu Kerajaan Negeri bagi menangani kesan penularan wabak Covid – 19 ini. Bagi negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mempertahankan ekonomi negeri daripada terus merundum. Sehubungan dengan itu, suntikan *economic relief* bagi jangka masa pendek telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam kadar segera untuk menangani keadaan ini.

Lantaran itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang berani dengan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I dengan impak kewangan sebanyak RM127.78 juta sebagai perancangan jangka pendek yang berpaksikan kepada tujuan untuk memelihara kesejahteraan rakyat Selangor yang terkesan dengan pandemik tersebut dan untuk memastikan supaya ekonomi negeri masih lagi dipangkin kukuh tanpa jatuh dengan teruk.

Apabila kerajaan mengumumkan PKP disambung lagi bagi fasa kedua bermula pada 1 April 2020, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan melanjutkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II dengan melibatkan impak kewangan berjumlah RM272.5 juta. Inisiatif Pakej Rangsangan

Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II ini bersifat lebih menyeluruh dan komprehensif berbanding Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I kerana pelaksanaannya mencakupi pelbagai kumpulan sasaran dan merentasi pelbagai aktiviti ekonomi dengan lebih meluas.

Selain itu, Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II ini juga telah ditambahbaik dengan beberapa lagi inisiatif kerana Kerajaan Negeri ingin memastikan supaya tiada rakyat Selangor yang tercicir dari menerima bantuan Kerajaan Negeri. Anggaran kos keseluruhan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I dan II serta Fasa II Tambahan melibatkan kos sebanyak RM413.883 juta.

Sejajar dengan pembukaan ekonomi dengan lebih 70 peratus tenaga kerja telah mula kembali bekerja di lapangan, Selangor kini sedang berada dalam kapasiti yang bersedia untuk memasuki ke fasa pemulihan ekonomi. Sebagai pemangkin untuk mengukuhkan dan menstabilkan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Pelan Pemulihan Ekonomi yang akan diumumkan dalam masa terdekat. Pelan Pemulihan Ekonomi ini merupakan pelan *economic relief* dalam jangka masa panjang yang lebih menumpukan kepada usaha untuk memulihkan semula ekonomi negeri secara beransur – ansur dengan penglibatan dan kerjasama dari pelbagai pihak berkepentingan.

Pelan Pemulihan Ekonomi ini menekankan kepada tiga tonggak utama dalam menangani pandemik ini. Tiga tonggak utama tersebut yang akan diberi penekanan ialah Keselamatan Makanan (*food security*), Kemampanan Ekonomi (*economy sustainability*) dan Pembangunan Kapasiti (*capacity building*).

Pelan Pemulihan Ekonomi ini juga bersifat menyeluruh dan mempunyai capaian kepada semua lapisan dan kelompok masyarakat dalam pelbagai sektor dan pelaksanaannya juga akan mengambilkira faktor ekonomi semasa negeri.

- c) Secara dasarnya sebahagian besar syarikat pelabur tempatan dan asing masih bertahan untuk meneruskan operasi mereka di Negeri Selangor. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Selangor, bagi tempoh Januari 2020 hingga Jun 2020 sebanyak 20 syarikat di sektor pembuatan telah membuat penutupan operasi. Oleh yang demikian, saya boleh menyatakan secara umumnya setakat ini keadaan masih terkawal dan dijangkakan aktiviti pelaburan akan kembali pulih tidak lama lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : BILANGAN HOTSPOT PAIP AIR PECAH DI KUALA LANGAT**

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kesemua hotspot paip air pecah di Kuala Langat sejak tahun 2008 dan nyatakan kekerapan atau bilangan kes paip air pecah di lokasi-lokasi hotspot ini.

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan hotspot yang terlibat dengan Program Penggantian Paip di Kuala Langat adalah seperti berikut:

No.	Hotspot	Jumlah Kes Paip Pecah	Pakej - Tahun (Status)
1	Kebun Baru	22 (2014 – 2015)	P3A - 2016 (Selesai)
2	Batu 9, Kebun Baru	51 (2014 – 2015)	P3A - 2016 (Selesai)
3	Bukit Changgang	41 (2014 – 2015)	P3A - 2016 (Selesai)
4	Kg Labohan Dagang	30 (2014 – 2015)	P9 - 2017 (Selesai)
5	Kg Sungai Buaya	34 (2014 – 2015)	P9 - 2017 (Selesai)
6	Kg Sg Kelambu	32 (2014 – 2015)	P9 - 2017 (Dalam Pelaksanaan)
7	Kg Bandar	28 (2014 – 2015)	P13 – 2018 (Dalam Pelaksanaan)
8	Kg Jenjarom	32 (2014 – 2015)	P13 – 2018 (Dalam Pelaksanaan)
9	Pekan Chodoi	52 (2014 – 2015)	P13 – 2018 (Dalam Pelaksanaan)
10	Kg Kanchong Tengah	33 (2014 – 2015)	P13 – 2018 (Dalam Pelaksanaan)
11	Kg Sri Cheeding	45 (2014 – 2015)	P13 – 2018 (Dalam Pelaksanaan)
12	Jalan Delima 3 (Taman Delima)	7 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)

No.	Hotspot	Jumlah Kes Paip Pecah	Pakej - Tahun (Status)
13	Jalan Duku (Kg Sg Manggis)	3 (2016 – 2018)	P20 – 2019 ((Kontraktor telah dilantik)
14	Jalan Bambu (Kg Kanchong Darat)	4 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
15	Jalan Teluk Mengkuang (Kg Teluk Mengkuang)	14 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
16	Jalan Sungai Nangka (Kg Sg Nangka)	16 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
17	Jalan Amal (Taman Halijahton)	4 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
18	Jalan Samy (Kg Sijangkang Batu 8)	7 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
19	Jalan Kg Pulau (Kg Pulau)	6 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
20	Jalan Teluk Bunut (Kg Teluk Bunut)	4 (2016 – 2018)	P20 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
21	Jalan Banting - Dengkil	14 (2017 – 2018)	P46 – 2020 (Lantikan kontraktor)
22	Jalan Banting - Klang	20 (2017 – 2018)	P46 – 2020 (Lantikan kontraktor)
23	Jalan Haji Damansor (Kg Jenjarom)	8 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
24	Jalan Siantan (Kg Sg Kelambu)	10 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
25	Jalan Utama 42 (Taman Jaya Utama)	4 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
26	Lorong Jalak (Batu 9, Kebun Baru)	4 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
27	Kuarters JKR Sungai Manggis	5 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
28	Jalan Rajawali	5 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021

No.	Hotspot	Jumlah Kes Paip Pecah	Pakej - Tahun (Status)
29	Jalan Bangau (Kg Sri Cheeding)	5 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
30	Jalan RDU 2 (Kg Labohan Dagang)	5 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
31	Jalan Pusara (Kg Sg Buaya)	4 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021
32	Jalan Tanah Raja (Kg Sungai Buaya)	7 (2017 – 2019)	Dalam cadangan dan semakan untuk program penggantian 2021